

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 11 TAHUN 2016**

Tarikh : **30 November 2016 (Rabu)**
Masa : **10.00 pagi hingga 11.45 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**
Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2016 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PERTANDINGAN AUDIT ZON BERSIH JKP MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Audit Zon Bersih MPSJ 2016**. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **03 Disember 2016 (Sabtu)**
Masa : **9.00 pagi – 6.30 petang**

**Tempat : JKP Zon 2, JKP Zon 8, JKP Zon 17
JKP Zon 21**

Objektif pertandingan ini adalah untuk memastikan kawasan pentadbiran MPSJ sentiasa berada dalam keadaan bersih, cantik dan harmoni terutamanya zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang dipertandingkan. Selain itu, pertandingan ini juga dapat mengukur sejauh mana penglibatan masyarakat memberi sumbangan untuk menjayakan program-program anjuran MPSJ. Pada tahun 2016, empat (4) Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang bertanding iaitu:

BIL	JKP	AHLI MAJLIS
1.	Zon 2	Encik Wan Hock Leong
2.	Zon 8	Encik Rosharizan Bin Mohd Rozlan (Zon Angkat)
3.	Zon 17	Puan Azalea Zulaikha Binti Haji Zulkifli
4.	Zon 21	Puan Wong Siew Ki

Terdapat 6 kriteria utama pemarkahan seperti berikut:

BIL	KRITERIA UTAMA
A	Penganjuran Program Kemasyarakatan
B	Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih
C	Pemantauan Kebersihan Persekitaran
D	Pemantauan Kesihatan Awam
E	Dokumentasi
F	Inovasi

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi menjayakan Pertandingan Audit Zon Bersih MPSJ 2016.

2.2 PROGRAM BACK TO SCHOOL MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Back To School MPSJ 2016**. Objektif utama program ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah daripada keluarga yang kurang berkemampuan bagi persediaan persekolahan pada tahun hadapan.

Setiap JKP akan menerima baucar bernilai RM1,500.00 iaitu RM50.00 untuk 30 orang penerima sumbangan. Pada tahun ini, pihak Majlis akan mengadakan program ini di Pasaraya Mydin USJ 1, Subang Jaya yang akan melibatkan **empat (4) zon JKP** iaitu **JKP zon 1, JKP zon 4, JKP zon 12 dan JKP zon 14**.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 7 Disember 2016 (Rabu)
Masa : 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi
**Tempat : Pasaraya Mydin, USJ 1, Subang
Jaya**

JKP yang lain akan mengadakan program ini di kawasan masing-masing mengikut masa dan tarikh yang akan ditentukan kemudian.

2.3 FESTIVAL KESENIAN MAKSAMALAYSIA TAHUN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah dipilih sekali lagi untuk mewakili **Majlis Kebajikan dan**

Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Negeri Selangor untuk kategori Kugiran Moden dalam Festival Kesenian MAKSAK Malaysia 2016.

Sebanyak 16 kumpulan kugiran akan mengambil bahagian dalam festival tersebut. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 8 Disember sehingga 11 Disember 2016
Lokasi : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara, Negeri Sembilan

2.4 URUSETIA BERSAMA BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menjadi urusetia bersama Sekyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bilangan 5/2016** yang akan diadakan seperti maklumat berikut:

Tarikh : 16 Disember 2016 (Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Lokasi : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, MPSJ

Mesyuarat ini akan dihadiri oleh YB Tuan Ean Yong Hian selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

2.5 PROGRAM MENEMBAK BERSAMA RAKAN MEDIA DAN AGENSI KESELAMATAN MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Menembak Bersama Rakan Media**

dan Agensi Keselamatan MPSJ 2016. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 22 Disember 2016 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi sehingga 12.00 tengahari
Lokasi : Jalan Padang Tembak, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Objektif utama program ini adalah sebagai penghargaan kepada rakan media yang telah banyak memberikan kerjasama serta memberikan liputan dalam menaikkan lagi nama dan imej MPSJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dan bertaraf 5 bintang.

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga **minggu epid 47**, MPSJ terus mencatatkan penurunan kes demam denggi kepada **69 kes berbanding 143 kes** pada minggu epid yang sama pada tahun lalu. Jumlah keseluruhan kes positif pada tahun ini adalah **8,242 menurun sebanyak 15%** berbanding dengan jumlah kes tahun lalu (9,751) pada minggu epid yang sama.

Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 47 adalah berjumlah 6. Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	5
3.	Seri Kembangan	0
4.	Kinrara	0
JUMLAH		6

Semua penduduk adalah diingatkan supaya terus menjalankan pencegahan dengan membersihkan kawasan rumah masing-masing terutama pada musim cuti sekolah. Sebelum meninggalkan rumah, sila pastikan persekitaran rumah bebas daripada bekas yang boleh menakung air. Semua takungan air hendaklah ditutup rapi dan meletakkan racun jentik-jentik pada takungan air yang terbuka seperti pasu bunga, mangkuk tandas dan kolah air.

Selain itu, pastikan tempat percutian anda bebas daripada kes demam denggi. Sekiranya anda berada di kawasan kes demam denggi, gunakan losyen repelen dan pakai baju berlengan panjang serta seluar panjang bagi mengurangkan risiko gigitan nyamuk.

2.7 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN, LESEN PASAR PAGI DAN PASAR MALAM 2017

Pihak Majlis telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk komuniti peniaga memperbaharui Lesen Perniagaan dan Iklan iaitu :

BIL	LOKASI
1	Secara Atas Talian (Online) Melalui Laman Web MPSJ
2	Kaunter Di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Subang Jaya
3	Pejabat Cawangan Puchong, Perpustakaan Hipermedia MPSJ, Bandar Puteri
4	Pejabat Cawangan Serdang Jaya, Stadium Serdang Jaya

Tarikh operasi bagi Kaunter Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan di Pejabat Cawangan Bandar Puteri Puchong dan Stadium Serdang Jaya ialah mulai pada **28 November 2016 sehingga 31 Januari 2017**.

Bagi Pembaharuan Lesen Pasar Pagi dan Pasar Malam, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah meneruskan inisiatif dengan

menganjurkan "Kaunter Bergerak" di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam bagi kemudahan peniaga-peniaga untuk memperbaharui lesen pasar pagi dan pasar malam.

Kaunter Bergerak ini telah mula beroperasi mengikut jadual yang telah ditentukan di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam bermula 14 November 2016 yang lalu dan akan berakhir pada 19 Disember 2016.

Perkhidmatan Kaunter Bergerak di setiap lokasi pasar pagi akan bermula pada jam 8.30 pagi hingga 11.00 tengahari dan kutipan di lokasi pasar malam adalah pada jam 4.30 petang hingga 9.00 malam mengikut jadual yang telah diaturkan selama sebulan.

2.8 PENGANUGERAHAN THE GREEN ERA AWARD FOR SUSTAINABILITY DI DUBAI, U.A.E

Pada **27hb & 28hb November 2016**, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menghadiri **Majlis Penganugerahan the Green Era Award for Sustainability** bertempat di *J.W. Marriot Marquis Hotel Dubai, U.A.E*. Majlis penyampaian anugerah berprestij ini telah diadakan pada 28 November 2016 pada jam 8.00 pagi. Penganugerahan *The Green Era Award for Sustainability* kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya adalah di atas konsistensi MPSJ dalam usaha melaksanakan inisiatif hijau dan anugerah berprestij yang diterima di peringkat antarabangsa. Ini turut meningkatkan usaha MPSJ dalam menjadi sebuah organisasi berprestij tinggi di peringkat global.

2.9 PENGANUGERAHAN DARIPADA MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS

Pada **25 November 2016**, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menghadiri **Majlis Penganugerahan oleh Malaysian Institute Of Planners** *bertempat* di Majestic Ballroom, Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

MPSJ telah menerima **tiga (3)** anugerah seperti berikut:

a) MIP Recognition Award

Anugerah ini julung kali diperkenalkan bagi mengiktiraf sumbangan dan usaha Pihak Berkuasa Tempatan dalam memperkasakan perancangan mampan yang meliputi penglibatan masyarakat, inovasi, inisiatif hijau dan rendah karbon.

b) Winner for Low Carbon City Award Category

Sunway Resort City – A Vision for Sustainability

c) Merit for Place Making and Public Space Award Category

Kenari Puchong Lane dan Tapak Program Tranformasi Penjaja Bergerak

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 26 Oktober 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.19/2016 bertarikh 2 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.8 & m/surat 13	Encik Chang Kim Loong	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Tempat Letak Kereta, Ballroom dan Restoran Japanese Serta Tambahan Dua Blok Hotel Suite 23 Tingkat Dan Pengubahsuaian Ke Atas Hotel Grand Dorsett untuk Mayland Valialant Sdn. Bhd.	Beliau meminta penjelasan pihak Majlis berhubung status permohonan rayuan yang dikemukakan oleh Mayland Valiant Sdn. Bhd. di Mahkamah Rayuan. <u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis masih menunggu tarikh pendengaran rayuan daripada Mahkamah Rayuan. Sehubungan itu, pihak Majlis membuat keputusan permohonan seperti di Para 4.8 adalah ditangguhkan.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2016 bertarikh 23 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 8/2016 bertarikh 9 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2016 bertarikh 10 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/surat 7	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Taklimat Berkaitan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Jalan Dan Longkang Di Semua Jajaran Projek Transit (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ) Dan Laluan Ampang (AMG)	Beliau mencadangkan agar semua Ahli Majlis dijemput untuk menghadiri taklimat isu berkaitan banjir di kawasan Puchong. <u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa taklimat tersebut akan diadakan pada 7 Disember 2016. Semua

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Ahli Majlis dan agensi-agensi terlibat seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Parit dan Saliran (JPS) adalah dijemput hadir.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2016 bertarikh 18 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 10/2016 bertarikh 21 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 10/2016 bertarikh 22 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & m/surat 8	Encik Mohan	Tindakan Terhadap	Beliau memohon penjelasan berhubung

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Singh a/ Surtar Singh	Peniaga Warga Asing	tindakan pihak Majlis bagi mengawal warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen di premis perniagaan seperti di kedai dan medan selera. <u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi membanteras warga asing yang berniaga tanpa lesen dari pihak Majlis.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 7/2016 bertarikh 23 Novemver 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2016 bertarikh 24 November 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

8.0 PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Disember 2016** akan diadakan pada **23 Disember 2016 (Jumaat)** jam 9.30 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 23. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 24. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Ir. Izham bin Hashim | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan
12. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
14. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
16. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
17. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti

18. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
20. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Puan Nurfazian binti Kasim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
28. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
29. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

31. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
35. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
40. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
41. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
42. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
43. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

44. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
45. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
46. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
47. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
48. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
49. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
50. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
51. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
52. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
53. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
54. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
55. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

57. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab
Penolong Pengarah Jabatan Undang-Undang
59. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB

URUS SETIA

1. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh - Setiausaha
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan Mesyuarat
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan